

BAB 5

KEPUTUSAN

DAN

KESIMPULAN

BAB 5

KEPUTUSAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya bab ini menghuraikan keputusan-keputusan daripada analisa terhadap data-data maklumat yang diperolehi melalui soal selidik yang telah dijalankan di dalam aspek keanggotaan Askar Wataniah, aspek demografi, polisi dan dasar sedia ada, latihan, lojistik dan elaun dalam menentukan Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar Angkatan Tetap.

Bab ini juga menerangkan kesimpulan keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan, sumbangan kajian, limitasi penyelidikan dan cadangan untuk kajian akan datang.

5.2 Hasil dan Analisa Kajian

Kajian tentang Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar ('Augment') Angkatan Tetap telah dilaksanakan dengan membuat kajian keatas pasukan Askar Wataniah di Negeri Perak di bawah pemerintahan Markas 2 Briged. Diantara pasukan yang terlibat secara langsung dalam kajian ini adalah Rejiment 503 (AW), Batalion 303 Infantri (AW) dan Batalion 304 Infantri (AW). Disamping itu data-data skunder juga diperolehi daripada Jabatanarah Askar Wataniah, Bahagian Pasukan Simpanan, Markas Tentera Darat bagi membantu menyokong kajian ini agar ianya lebih tepat bagi mencapai tahap keberkesanan kajian ini. Seramai 150 responden telah terlibat dalam kajian ini, pecahan responden adalah seperti di Jadual 5.1.

Jadual 5.1 : Penyata Responden Mengikut Pasukan

Bil	Pasukan	Responden
1.	Rejimen 503 (AW)	50
2.	Batalion 303 Infantri (AW)	50
3.	Batalion 304 Infantri (AW)	50
	Jumlah	150

Kekuatan Askar Wataniah di Negeri Perak. Pasukan Batalion 303 Infantri (AW) dan pasukan Batalion 304 Infantri (AW) adalah pasukan yang telah pun dikerah sepenuh masa dan anggota pasukan ini tidak mempunyai masalah jika tenaga mereka diperlukan kerana mereka telah pun berkhidmat sepenuh masa dengan Angkatan Tetap. Oleh yang demikian kajian kekuatan Askar Wataniah di Negeri Perak hanya menumpukan kekuatan pasukan Rejimen 503 (AW) kerana anggota pasukan ini masih belum dikerah sepenuh masa. Kekuatan pasukan ini ketika ini adalah seramai 1,926 anggota dan yang aktif adalah seramai 700 (36.3%) anggota sahaja. Jumlah pegangan kekuatan yang mesti dimiliki oleh pasukan adalah seramai 2880 anggota. Justeru itu, ianya menunjukkan Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar ('Augment') Angkatan Tetap masih lagi tidak dapat dicapai. Selain daripada itu kekuatan anggota yang aktif adalah diparas rendah dan ini menyebabkan kesiapsiagaan mereka dari segi latihan, kekuatan kerohanian, sifat kepahlawanan dan semangat sedia berkorban untuk negara sukar diramalkan jika kerahan tenaga diperlukan. Penyata kekuatan Pasukan Rejimen 503 (AW) adalah seperti di Jadual 5.2.

Jadual 5. 2 : Penyata Kekuatan Pasukan Rejimen 503 (AW)

Bil	Pasukan	Kekuatan Pegangan (Perjawatan)	Kekuatan sebenar	Anggota Aktif	Anggota Tak Aktif
1.	Rejimen 503 (AW)	2880 (100%)	1926 (67%)	700 (36.3%)	1226 (63.7%)

Analisa Kemampuan Keanggotaan(AW) Keseluruhan. Organisasi Askar Wataniah telah mempunyai susun atur dan penempatan yang cukup baik dimana sekurang-kurangnya sebuah Rejimen Siri 500 telah ditempatkan disetiap negeri dan bagi negeri yang bersempadan dengan Negara Thailand mempunyai tambahan satu atau dua buah Batalion Siri 300. Bagaimanapun secara keseluruhannya kekuatan sebenar Askar Wataniah yang berdaftar bagi kategori pegawai adalah mencukupi tetapi bagi kategori lain-lain pangkat cuma ada sebanyak 50 peratus sahaja (37,917 anggota- Rujuk Bab 2 perenggan 2.9) berbanding dengan kekuatan sebenar dan daripada jumlah ini (lain-lain pangkat) cuma 50 peratus sahaja yang aktif dan boleh ditugas atau digerakan sebagai anggota infantri pada masa-masa tertentu (rujuk statistik tahun 2002 dan 2003 di Bab 2). Berdasarkan kekuatan ini ianya menunjukkan lebih kurang seramai 37,917 anggota (yang berdaftar) berbanding dengan kekuatan semasa Angkatan Tetap Tentera Darat seramai 80,000 anggota maka andaian nisbah 2 (Angkatan Tetap) bersamaan seorang anggota Askar Wataniah maka adalah sukar untuk mencapai nisbah 1: 3 dalam masa terdekat . Berdasarkan fakta ini maka kesimpulan yang boleh dibuat adalah kekuatan anggota Askar Wataniah ketika ini adalah tidak mampu untuk menambahbesar Angkatan Tetap. Oleh yang demikian usaha-usaha secara bersepadu dan berterusan perlu dilaksanakan oleh pihak

tertentu bagi menggalakan rakyat disetiap golongan masyarakat menyertai dan melibatkan diri dengan secara aktif dalam Askar Wataniah.

Kajian Profil. Kajian keatas profail responden dapat dirumuskan seperti berikut:

Jantina. Responden lelaki adalah paling ramai 141 anggota (94%) berbanding perempuan hanya seramai 9 anggota (6%).

Taraf Perkahwinan. Responden anggota yang telah berkahwin adalah lebih ramai daripada anggota yang bujang iaitu 83 anggota kahwin (55.3%) dan 67 anggota bujang (44.7%).

Umur. Kebanyakan responden adalah terdiri daripada umur dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun iaitu 26 %.

Kelulusan Akaedemik. Kebanyakan responden adalah anggota sukarela yang berkelulusan PMR dan SPM dengan peratus 86.7% melebihi kelulusan akademik yang lain.

Pendapatan Bulanan. Responden yang berpendapatan kurang daripada RM 1,000.00 adalah yang paling ramai iaitu 49% berbanding dengan responden yang berpendapatan lain.

Pekerjaan. Ramai dikalangan responden bekerja sebagai pekerja kilang, buruh dan bekerja sendiri yang mana peratus tertinggi iaitu 78.7%.

Kaum. Responden kaum Melayu adalah paling ramai daripada kaum-kaum lain dimana peratusannya 83.3%.

Analisa Keatas Polisi dan Dasar, Pengurusan Sumber Manusia, Latihan Serta Logistik dan Elaun. Analisa diatas perkara-perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

Polisi dan Dasar Dari segi polisi dan dasar yang sedia ada didapati ianya adalah masih sesuai dan perlu dikekalkan.

Pengurusan Sumber Manusia. Responden menunjukkan pengurusan sumber manusia adalah seimbang kecuali soalan 5 iaitu kebajikan anggota yang mana peratus adalah sedikit iaitu 21.3%. Penekanan sumber manusia dalam aspek kebajikan perlulah diberi keutamaan bagi menentukan tahap kepuasan yang tinggi dikalangan anggota sukarela.

Latihan. Pada dasarnya latihan yang dijalankan dipasukan adalah mencukupi kecuali peralatan latihan yang mana seramai 69.3% responden kurang setuju diatas peralatan latihan yang diperuntukan kepada pasukan. Konsep latihan yang dipraktikan ketika ini perlu dikaji semula selaras dengan peranan yang perlu dimainkan oleh anggota-anggota Askar Wataniah. Keseluruhannya latihan tidak menjuruskan kepada tahap kesaip siagaan pasukan Askar Wataniah berkemungkinan kerana disebabkan oleh kekurangan peralatan latihan.

Logistik dan Elaun. Keseluruhannya menunjukan peratus logistik dan elaun anggota sukarela adalah ditahap rendah yang mana responden tidak berpuashati keatas semua soalan yang diberikan. Pengurusan Askar Wataniah dalam aspek Logistik juga perlu dipertingkatkan kerana masih banyak kelemahan dari aspek penyediaan kelengkapan dan pakaian, kemudahan tempat penginapan, tempat dan fasilitas latihan yang kesemuanya

memberi kesan kepada minat anggota Askar Wataniah untuk bergiat aktif didalam semua aktiviti dan latihan yang dijalankan. Perkara ini juga boleh dijadikan ukuran yang menyumbang kepada kemampuan Askar Wataniah bagi menambahbesar Angkatan Tetap.

Infrastruktur Bantuan Latihan Yang Tidak Lengkap.

Infrastruktur bantuan latihan yang tidak lengkap seperti bilik darjah yang tidak selesa serta kekurangan bilik penginapan menyebabkan latihan atau aktiviti yang dilaksanakan tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Persekitaran kem dan kawasan yang terhad juga boleh mencacatkan kualiti latihan dan akhirnya menimbulkan rasa jemu dan mengurangkan minat anggota sukarela untuk datang menjalani latihan.

5.3 Kesimpulan Kajian

Secara keseluruhannya Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar ('Augment') Angkatan Tetap masih tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Bilangan anggota yang tidak aktif adalah menjadi faktor penghalang dalam menentukan Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar ('Augment') Angkatan Tetap. Kekuatan yang sedia ada tidak dapat diukur kemampuannya apabila keadaan diperlukan. Penganalisis merumuskan kemungkinan faktor yang mendorong ketidakaktifan anggota sukarela adalah disebabkan:

Elaun. Keseluruhan kajian ini menunjukkan peratus yang memasuki Askar Wataniah adalah mereka yang berpendapatan rendah. Ini jelas menunjukkan penglibatan mereka ini adalah untuk menambah pendapatan keluarga disamping memperlengkapkan diri sebagai anggota tentera yang terlatih apabila diperlukan. Oleh yang demikian wajarlah

elaun yang diberikan dikaji semula berpandukan kepada keperluan sara hidup semasa. Disamping itu tiada insentif kepada anggota yang telah lama berkhidmat untuk memberi dorongan kepada anggota lain agar berkhidmat dengan aktif. Bagi mereka yang telah lama menyertai Askar Wataniah mendapati elaun latihan mereka adalah sama dengan anggota sukarela yang baru menyertai Askar Wataniah.

Logistik. Ini adalah faktor yang sama penting dalam menjaga keterampilan dan keberkesanan serta kesiapsiagaan pasukan Askar Wataniah. Dengan logistik yang serba kekurangan ianya akan menjejaskan imej pasukan Askar Wataniah. Sebagai contoh jika pakaian yang lusuh dan peralatan yang usang di berikan kepada anggota sukarela maka ianya mencerminkan organisasi tersebut. Keterampilan yang segak akan menarik minat serta pendorong kepada masyarakat untuk menyertainya disamping menyemai sikap sayangkan kepada organisasi.

Infrastruktur Latihan Yang Tidak Lengkap. Infrastruktur latihan yang tidak lengkap seperti bilik darjah yang tidak 'conductive', alatan bantuan yang tidak lengkap dan bilik penginapan yang padat dan kurang selesa. Persekitaran kem dan kawasan yang terhad juga boleh mencacatkan kualiti latihan dan akhirnya menimbulkan rasa jemu dan mengurangkan minat anggota sukarela untuk datang menjalani latihan seterusnya.

Latihan. Kemudahan peralatan latihan yang moden dan canggih hendaklah dibekalkan kepada anggota Askar Wataniah agar mereka diberi pendedahan dan latihan seiring dengan perkembangan teknologi peperangan semasa.

Kaedah Latihan Yang Sama Menimbulkan Kebosanan. Kaedah latihan yang sama seperti berkawad, pelajaran senjata dan lain-lain latihan yang diadakan samada di dalam atau di luar kelas yang di ulang-ulang sudah pasti sedikit sebanyak akan membosankan anggota sukarela. Tambahan pula jika latihan amali/praktikal di buat di dalam kem atau persekitaran yang sama.

5.4 **Sumbangan Daripada Kajian**

Penyertaan rakyat dalam pasukan simpanan adalah amat minimum sekali. Jumlah kekuatan pegawai dan anggota khususnya dalam pasukan simpanan statik tidak seperti yang diharapkan, jumlah kekuatan tidak sama dengan kekuatan sebenar pada masa latihan. Kemerosotan penglibatan rakyat dalam Askar Wataniah menyukarkan hasrat Kerajaan untuk merealisasikan HANRUH dalam konteks Dasar Pertahanan Negara. HANRUH akan hanya dapat direalisasikan jika kita semua pihak dapat mendalami masalah pengurusan Askar Wataniah dalam konteks pembinaan semangat patriotik dikalangan generasi muda, seterusnya memperbaiki pengurusan Askar Wataniah dalam aspek pentadbiran, latihan dan kelengkapan. Segala permasalahan atau penyumbang ke arah ketidakaktifan anggota sukarela yang dikenal pasti perlu ditangani dengan serius agar peratusan ketidakaktifan ini tidak bertambah atau meningkat dari hari ke hari. Dalam menentukan kemampuan Askar Wataniah menambah besar ('Augment') Angkatan Tetap beberapa cadangan perlu dipertimbangkan untuk tindakan seperti berikut:

Promosi. Suatu kaedah untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang perkhidmatan sukerela yang cintakan kepada Negara (nilai patriotik). Disamping itu promosi juga menerangkan kemudahan dan skim perkhidmatan yang diberikan.

Program Latihan Khidmat Negara. Adalah salahsatu langkah bijak kerajaan di dalam memupuk dan menanamkan semangat cinta kepada negara dikalangan remaja lepasan sekolah. Suatu dasar dan polisi baru perlu digubal bagi membolehkan kesemua mereka didaftarkan sebagai anggota Askar Wataniah secara sukarela. Penyertaan mereka yang telahpun menjalani latihan asas fizikal semasa Program Latihan Khidmat Negara akan banyak menyumbang kepada kemampuan Askar Wataniah bagi menambah besar Angkatan Tetap dari aspek keanggotaan pada masa akan datang.

Elaun dan Kemudahan. Elaun yang sedia ada perlulah dibuat kajian semula agar ianya bersesuaian dengan kos sara hidup semasa disamping penglibatan yang semakin mencabar. Kemudahan yang diberikan kepada anggota tetap haruslah dipanjangkan kepada anggota sukarela.

Pengiktirafan dan Penghargaan. Anggota sukarela juga perlulah diberi pengiktirafan dan penghargaan seperti pingat atau lain-lain pengiktirafan diatas perkhidmatan cemerlang yang diberikan.

Kemudahan Infrastruktur dan Logistik. Kemudahan infrastruktur termasuk kem dan kemudahan latihan serta sokongan logistik yang daif menyebabkan latihan dan kesungguhan anggota sukarela di tahap yang rendah. Peralatan logistik yang mencukupi hendaklah diberikan kepada anggota sukarela agar mereka dapat melaksanakan latihan dengan lebih berkesan. Disamping itu pengagihan logistik hendaklah diberikan sama rata diantara dalam perkhidmatan Askar Wataniah dengan Angkatan Tetap agar ianya seiring dalam pembentukan anggota yang berkualiti dan kridebiliti.

Perkhidmatan Penting. Mengujudkan suatu keadaan dikalangan anggota sukarela yang mana ianya menunjukkan mereka adalah suatu organisasi yang penting dalam perkhidmatan.

Anggota Kelas Dua. Elakkan perkataan atau keadaan dalam ertikata Anggota Kelas Dua dalam perkhidmatan Askar Wataniah. Ini adalah untuk menjaga maruah serta mengelakan kejatuhan moral anggota sukarela secara keseluruhannya.

Perundangan. Tindakan undang-undang perlulah diambil keatas majikan yang tidak memberi pelepasan kepada anggota untuk menjalani latihan. Penguatkuasaan bersepadu hendaklah dilaksanakan sehingga ke akar umbi serta komitmen oleh semua pihak termasuk masyarakat, ahli politik, Kementerian Pertahanan, organisasi ketenteraan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Latihan Luar Negara. Menghantar anggota sukarela untuk membuat latihan dengan Angkatan Tentera negara jiran agar ianya akan mempertingkatkan ilmu ketenteraan disamping memberi dorongan kepada anggota sukarela supaya mereka lebih aktif.

5.5 **Limitasi Penyelidikan**

Kajian yang dijalankan adalah terhad dari beberapa aspek di mana penyelidik terpaksa berhadapan dengan beberapa limitasi. Dengan adanya limitasi ini ianya telah menyebabkan kajian yang lebih mendalam tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Diantara limitasi yang menghalang kelancaran kajian ini adalah seperti berikut:

Pengumpulan Data. Penyelidik sukar untuk mendapatkan data disebabkan oleh data yang telah diklasifikasikan sebagai rahsia atau sulit oleh Markas Tentera Darat. Data-data ini adalah mustahak untuk dianalisa agar ianya memberi gambaran yang lebih jelas dalam kajian ini. Ini menyebabkan analisa kajian tidak dapat dibuat dengan lebih terperinci.

Kos Kewangan. Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik tidak diberikan sebarang peruntukan kewangan yang khusus. Ini menyebabkan kajian keatas responden hanya dilaksanakan di Negeri Perak sahaja. Oleh yang demikian kajian keatas responden menjadi terhad. Jika penyelidik mempunyai peruntukkan kewangan maka penyelidik dapat memanjangkan pergerakan bagi mendapatkan data daripada anggota-anggota Askar Wataniah yang bertugas di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia bagi membolehkan tahap kebolehpercayaan responden dan perbandingan pendapat responden dibuat analisa dengan lebih teliti.

Masa. Masa yang yang diberi untuk melaksanakan kertas projek ini adalah amat terhad dan tiada peruntukan masa yang khusus. Penyelidik terpaksa mencari ruang yang sesuai sebagai contoh pada hujung minggu atau cuti umum bagi mengumpul dan memperolehi data-data. Limitasi masa ini juga menyebabkan data daripada responden anggota Askar Wataniah daripada negeri-negeri lain tidak dapat diperolehi dalam jangka masa yang singkat.

Responden. Responden yang diambil adalah terdiri daripada anggota sukarela yang mana kehadiran mereka adalah tidak konsisten. Limitasi ini menyebabkan penyelidik sukar mendapatkan data dengan segera daripada responden yang mana memerlukan tempoh yang lebih lama bagi mendapatkan maklumbalas jawapan daripada soalan yang diberikan.

Tenaga Kerja. Tentera Darat adalah sebuah organisasi yang besar dan kompleks. Kajian terhadap sesebuah organisasi seperti ini sudah tentu memerlukan banyak tenaga, masa dan penglibatan individu yang ramai. Dalam kajian ini penyelidik tidak mempunyai bantuan tenaga kerja bagi mendapatkan data-data daripada pesponden. Oleh yang demikian, kajian hanya tertumpu di kawasan Negeri Perak sahaja.

5.6 **Cadangan Untuk Kajian Akan Datang**

Sejak tertubuhnya AW hinggalah ke hari ini, sambutan orang awam terhadap AW kurang mengalakkan. Keadaan ini lebih membimbangkan dimana ramai anggota yang memasuki Askar Wataniah tidak aktif dalam melaksanakan latihan. Justeru itu, beberapa pendekatan atau langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil bagi mengatasi masalah ini. Permasalahan yang dikemukakan menggambarkan kesukaran masyarakat umum untuk terus menyumbang tenaga di dalam perkhidmatan Askar Wataniah. Peluang-peluang mencari pendapatan di luar bidang ini masih terbentang luas. Apatah lagi kesedaran tanggungjawab terhadap negara amat kurang dikalangan rakyat. Adalah disyorkan agar segala cadangan serta langkah-langkah yang perlu, diambil bagi menangani masalah ketidakaktifan anggota sukarela seperti yang dibentangkan diambil tindakan dan perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat. Diantara masalah-masalah yang dikenalpasti dan perlu diambil perhatian untuk kajian akan datang bagi menentukan kemampuan Askar Wataniah menambah besar Angkatan Tetap adalah seperti berikut:

Pengurusan Sumber Manusia. Penekanan sumber manusia dalam aspek kebajikan perlulah diberi keutamaan bagi meningkatkan tahap kepuasan dikalangan anggota sukarela. Kebajikan memainkan peranan yang penting dalam menentukan moral anggota sukarela ditahap yang tinggi disamping memberi dorongan agar mereka lebih aktif dalam aktiviti Askar Wataniah.

Latihan. Konsep latihan yang dipraktikkan perlukan dibuat kajian semula selaras dengan peranan yang perlu dimainkan oleh Askar Wataniah, ini adalah untuk memastikan latihan yang dilaksanakan nanti akan menjuruskan kepada tahap kesiapsiagaan pasukan Askar Wataniah. Latihan yang dilaksanakan hendaklah bercorak agresif bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang ilmu medan perang agar ianya seiring dengan keupayaan pasukan Angkatan Tetap.

Logistik. Pengurusan Askar Wataniah dalam aspek logistik perlu dipertingkatkan kerana masih banyak kelemahan dari aspek penyediaan kelengkapan, pakaian, kemudahan tempat penginapan dan latihan. Kekurangan peralatan logistik akan menyebabkan matlamat Askar Wataniah tidak akan tercapai malah latihan yang dilaksanakan juga tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Elaun. Elaun yang diberi perlulah dibuat kajian semula berpandukan kepada sara hidup semasa. Disamping itu tiada insentif kepada anggota yang telah lama berkhidmat bagi memberi dorongan kepada anggota lain agar berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Sebagai sebuah negara kecil, kita sudah pasti tidak mampu menyaingi kuasa-kuasa besar. Namun kita harus siap sedia dengan kekuatan dan kemahuan yang kuat dalam membentuk ketahanan nasional kearah menjamin kemakmuran negara. Askar Wataniah dan Angkatan Tetap apabila digabungkan akan menjadi satu kekuatan Angkatan Darat Negara. Penyelidik mencadangkan kajian yang lebih mendalam perlulah dilaksanakan untuk mengenalpasti sebab-sebab anggota sukarela tidak aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh pasukan Askar Wataniah. Dengan adanya kajian susulan ini maka suatu kaedah akan dapat dirumuskan untuk mengatasi permasalahan ini. Diharapkan data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini dapat digunakan untuk kajian seterusnya.

ANNEX:

- A. Penempatan Rejimen Askar Wataniah Mengikut Negeri Di Malaysia.
- B. Syarat-Syarat Pentauliahahan Bagi Pegawai Sukarela Seperti Yang Terkandung Di Dalam 'The Territorial Army (Terms Of Service) Regulations', 1958.
- C. Syarat-Syarat Perkhidmatan Anggota Lain-Lain Pangkat Askar Wataniah Tertakluk Kepada Kaedah-Kaedah Dan Peraturan-Peraturan Yang Terkandung Di Dalam 'The Territorial Army (Terms Of Service) Regulation' 1958.
- D. Salinan Soalan.

BIBLOGRAFI:

1. Lt Kol (B) Kassim bin Abdul Kadir, "Rejimen Askar Wataniah – Kemana Arah Tujuannya" , Majalah Sorotan Darat Jilid 2 Bil 15 Siri April 1989.
2. Kol (K)Prof Dr Ahmad Fawzi bin Mohd Basri(UUM), "Kedayaan dan Kemampuan Askar Wataniah Dalam Konteks Pertahanan Menyeluruh" , Majalah Sorotan Darat Jilid 1 Bil 29 Siri Jun 1996.
3. PW 2 Ismail bin Md Elias, "Hakisan Penyertaan-Satu Penyelesaian", Bulletin Wataniah Bil 8/99 Siri Ogos 1999.
4. Kol (K)Prof Dr Ahmad Fawzi bin Mohd Basri(UUM), "Askar Wataniah Warga Pembela Nusa, Markas Tentera Darat, 1998.
5. Romainor "Recruting of Volunteer Army", Kursus Sarjana Pengurusan dan Pemerintahan Pasukan (KSPPP) 2003,

6. Akta AT 1972.
7. 'The Territorial Army (Terms of Service) Regulations', 1958.
8. 'The Territorial Army (Pay and Allowances) Rule, 1959 amended where applicable by The Territorial Army (pay and Allowances)(Amendment) Rules 1961, 1965 and 1967'.
9. 'The Volunteer Force(Compensation) Rules, 1955 and The Malay Regiment and Federation Regiment(retired Pay, Pensions, Gratuities and Other Grants) Regulations, 1952 Part I, V dan VI'.
10. Manual Askar Wataniah, 2004.
11. PMAT Bil 16 Tahun 1959 – Pegawai Pemilihan Rekrut Askar Wataniah.
12. PMAT Bil 98 Tahun 1959 – Kuasa Pegawai Memerintah Unit Askar Wataniah.
13. PMAT Bil 122 Tahun 1959 – Pengstrukturaran Semula Askar Wataniah.
14. PMAT Bil 45 Tahun 1961 – Perlantikan Pihak Berkuasa Yang Layak Bagi Maksud Seksyen 9(5) Ordinan Askar Wataniah.
15. PMAT Bil 10 Tahun 1991 – Syarat-Syarat Penyerapan Pegawai Kerahan ke Dalam Angkatan Tetap.
16. PMAT Bil 11 Tahun 1991 – Syarat-Syarat Penyerapan Lain-Lain Pangkat Kerahan ke Dalam Angkatan Tetap.
17. PMAT Bil 16 Tahun 1959 – Pegawai Pemilihan Rekrut Askar Wataniah.

18. PMAT Bil 1 Tahun 1996 – Paduan Penganugerahan Tauliah Kehormat Dalam Angkatan Tentera Malaysia.

19. MK Medan/G1/1/5244 Jil 5 Bertarikh 18 Mei 2003.